UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HLT 203/NSK 037 Teater Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI FIVE [5] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Kedua-dua epik India, iaitu Ramayana dan Mahabharata, merupakan sumber yang amat penting bagi teater tradisional Asia Tenggara. Pilih satu [1] daripada epik-epik tersebut dan bincang (a) perubahan utama yang telahpun berlaku didalamnya jika dibandingkan dengan epik asal di India dan (b) kegunaan epik pilihan anda di dalam konteks teater tradisional Asia Tenggara.

2. Bincangkan dengan agak mendalam istilah "proto-theatre?" Seterusnya pilih sekurang-kurangnya dua [2] contoh teater jenis tersebut dari negara-negara yang lain dan bincangkan asal usul, kandungan, teknik pementasan, serta tujuan persembahan jenis-jenis teater pilihan anda.

3. Tuliskan dengan ringkas mengenai dua [2] daripada istilah-istilah berikut:

   [a] Kumidiya de Santo

   [b] Wayang Topeng

   [c] Nang Yai

   [d] Nat Pwe

.../2

4. Bagi pendapat anda apakah ciri-ciri utama yang terdapat pada "Opera" Asia Tenggara pada amnya? Seterusnya bincangkan sejarah, kandungan serta stail persembahan zarzuela di Filipina.

5. Ritual merupakan satu unsur yang amat penting di dalam konteks teater traditional Asia Tenggara. Apakah anda faham dari istilah "ritual" itu? Dengan merujuk kepada sekurang-kurangnya dua [2] contoh teater, satu dari Bali dan satu lagi dari Malaysia, bincangkan kegunaan ritual.

-oooOOOooo-